

UTUSAN MALAYSIA 2/9/2016

## UPM universiti inovatif terbaik negara

Oleh MUHAMMAD AZIM ZAID  
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 1 SEPT.

UNIVERSITI Putra Malaysia (UPM) tersenarai sebagai universiti inovatif terbaik dalam negara oleh ranking *Reuters Top 75: Asia's Most Innovative Universities* berikutan kecemerlangan institusi pendidikan itu di dalam bidang sains, penciptaan teknologi baharu dan membantu memacu ekonomi global.

Senarai yang dikeluarkan oleh agensi berita antarabangsa, *Reuters* turut meletakkan UPM ketiga terbaik Asia Tenggara dan 73 terbaik Asia diikuti Universiti Malaysia pada kedudukan ke-75.

Naib Canselor UPM, Prof. Datin Paduka Dr. Aini Ideris berkata, pemilihan oleh agensi itu secara umumnya berdasarkan metodologi yang memberi tumpuan kepada artikel ilmiah penyelidikan asas yang dilakukan di universiti itu selain pemfailan paten bagi perlindungan harta intelek.

“Dengan kedudukan UPM sebagai universiti inovatif terbaik dalam negara mengikut pemilihan *Reuters*, inisiatif Putra Global untuk UPM mencapai kedudukan 200 universiti terbaik dunia menjelang 2020 akan terus dipergiatkan.



AINI IDERIS

“Selari dengan visi UPM iaitu ke arah universiti bereputasi antarabangsa, kualiti penyelidikan dan inovasi UPM bukan sahaja boleh melonjakkan tahap kecemerlangan UPM tetapi memberi sumbangan bermakna kepada kesejahteraan masyarakat dan kemajuan negara,” dalam satu kenyataan katanya hari ini.

Menurut Aini, selain penulisan saintifik, UPM tidak mengabaikan penulisan popular untuk menyampaikan maklumat inovasi kepada rakyat dan industri dengan mengadakan sidang akhbar sebulan sekali atau 10 kali setahun.